

20 NOV 1997

Mahathir-Kanada

MALAYSIA BERMINAT BEKERJASAMA DENGAN KANADA DALAM IT

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berharap untuk bekerjasama rapat dengan Kanada dalam bidang teknologi maklumat (IT) disamping memperkukuhkan hubungan yang sedia terjalin dalam pembangunan infrastruktur, kerjasama pendidikan dan pengurusan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata kedua-dua negara telah mula menggembelngkan usaha bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan seperti pembinaan Transit Rel Ringan (LRT) di sini dan "sky-bridge" yang menghubungkan menara tertinggi di dunia -- Menara Kembar Petronas.

"Daripada hubungan penderma-penerima, hubungan dua hala kita telah mencapai kematangan untuk menjadi satu daripada antara yang "sama rata", kata beliau dalam perutusan dalam program sempena Dialog Pemimpin Perniagaan Kanada-Malaysia ke-2 -- "Malaysia and Canada: A Viable Partnership" di Ottawa, Kanada esok.

Pada dialog itu, Dr Mahathir akan diwakili Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang dijadual menyampaikan ucap utama Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata banyak yang boleh ditawarkan oleh syarikat-syarikat Kanada kepada masyarakat perniagaan Malaysia memandangkan ia mempunyai kepakaran dan teknologi dalam kebanyakan bidang.

Dr Mahathir mempelawa syarikat-syarikat Kanada melabur di Malaysia sambil berkata kerajaan juga menggalakkan syarikat tempatan meneroka ke negara luar dan melabur di negara perdagangan seperti Kanada.

"Walaupun Malaysia merupakan negara yang baru meneroka bidang teknologi tinggi, kami bersedia mempelajari pengalaman daripada negara-negara yang telah maju dalam bidang berkenaan," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, ketika Malaysia menuju ke abad ke-21, ia perlu meningkatkan daya saingnya di peringkat antarabangsa dengan memusatkan perhatian kepada kemampuan teknologi tinggi, meningkatkan kecekapan dan terus melaksanakan pembaikan.

"Kami mengiktiraf kepakaran dan teknologi Kanada dalam kebanyakan industri dan kami menyambut baik pelaburan Kanada di Malaysia," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia dan Kanada mempunyai hubungan yang lama terjalin dan kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan.

Chretien berkata 44 perjanjian baru bernilai K\$445.3 juta (RM1.07 bilion) ditandatangani antara kedua-dua negara semasa lawatannya ke Malaysia pada Januari tahun lalu.

Beliau berkata jumlah perdagangan dua hala melebihi K\$2.1 bilion (RM5.04 billion) tahun lalu.

Chretien berkata dialog Kanada-Malaysia menawarkan forum kepada peserta bagi meningkatkan kerjasama perniagaan dan ekonomi antara Kanada dan Malaysia, menggalakkan usahasama dan perkongsian strategik antara usahawan dari kedua-dua negara dan mengenal pasti peluang perniagaan, pelaburan baru serta pemindahan teknologi. -- BERNAMA

ES FAZ